




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 10 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, 5, 12 HINGGA 33)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 2 HINGGA 4,
6 HINGGA 11
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO: 01

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 10.11.2008

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan Bursa Malaysia lebih menarik kepada syarikat-syarikat baru berbanding dengan bursa-bursa lain seperti Singapura dan Hong Kong. Apakah jumlah syarikat baru yang disenaraikan di Bursa Malaysia, Singapura dan Hong Kong.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan, Suruhanjaya Sekuriti (SC) bersama pihak Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) sentiasa berusaha untuk menarik syarikat-syarikat Malaysia mahupun asing untuk menyenaraikan saham-saham mereka di Bursa Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengemaskinikan keperluan penyenaian supaya lebih efisien dan setaraf dengan pasaran-pasaran modal lain di dunia seperti berikut:

- i. SC telah memperkenalkan langkah untuk memudahkan penyenaiaan di Bursa Malaysia oleh syarikat milik asing yang beroperasi di luar negara;
- ii. menyelaraskan keperluan penyenaiaan yang sama untuk syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia dan syarikat tempatan untuk penyenaiaan di Papan Utama Bursa Malaysia;
- iii. syarikat yang mempunyai operasi utama di luar negara tidak perlu memenuhi keperluan 30% ekuiti Bumiputera;
- iv. mempercepatkan tempoh kelulusan permohonan penyenaiaan oleh SC dari tiga bulan ke sebulan bagi syarikat yang mempunyai modal pasaran RM500 juta ke atas. Tempoh kelulusan ini adalah lebih cepat dibandingkan di pasaran Hong Kong dan Singapura;
- v. sesebuah syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia dan dimiliki oleh warga asing, boleh mengemukakan permohonan untuk penyenaiaan di Papan Utama Bursa Malaysia sekiranya memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan;
- vi. sesebuah syarikat yang beroperasi di luar Malaysia boleh juga disenaraikan di Pasaran MESDAQ, Bursa Malaysia. Syarikat yang ingin disenaraikan bagi perniagaan tersebut hanya perlu diperbadankan di Malaysia; dan

vii. Bursa Malaysia juga telah dipasarkan sebagai tumpuan bagi penyenaian syarikat-syarikat perladangan dan perkhidmatan petroleum.

2. Selain itu, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 25 Mac 2008 di Invest Malaysia 2008 telah mengumumkan dasar baru di mana Papan Utama dan Papan Kedua akan disatukan untuk menjadikan Bursa Malaysia lebih kompetitif dan meningkatkan statusnya sebagai destinasi penyenaian yang diutamakan. Pendekatan pengawalseliaan (*regulatory approach*) bagi papan yang disatukan tersebut serta pasaran MESDAQ yang baru juga sedang dikaji semula supaya penasihat utama (*principal adviser* atau *sponsor*) sesebuah syarikat memainkan peranan yang lebih utama dalam penyenaian syarikat dan seterusnya menjadikan proses penyenaian lebih efisien. Perubahan baru tersebut diharap akan menjadikan Bursa Malaysia setanding dengan pasaran modal sedunia seperti London, Hong Kong dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Jumlah syarikat baru yang disenaraikan di Bursa Malaysia dari tahun 2007 sehingga 15 Ogos 2008 adalah sebanyak 44 buah. Manakala sebanyak 92 buah syarikat baru disenaraikan di Singapore Exchange dan sebanyak 116 buah syarikat baru disenaraikan di Stock Exchange of Hong Kong.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 5
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)
TARIKH : 10.11.2008

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kelayakan hakim-hakim Syarie dalam menyelesaikan kes-kes Syarie yang banyak tertangguh dan berapakah jumlah kes Syarie yang tertunggak sejak tahun 2006.

JAWAPAN:

Kelayakan seseorang hakim syarie dalam menyelesaikan kes-kes di mahkamah Syariah ialah mereka terdiri daripada kalangan pegawai Syariah yang telah dilatih dan diberikan pelbagai pendedahan pengalaman kerja seperti perlu pernah menjawat jawatan Pegawai Sulh, Pegawai Biro Bantuan Guaman, Peguam Syarie Persekutuan Jabatan Peguam Negara, Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Negeri, Pegawai Penyelidik Hakim - hakim dan sebagainya.

Dengan pengalaman bertugas di beberapa agensi kerajaan disamping post gred LS 44 bagi jawatan hakim Mahkamah Rendah dan gred LS 54 Hakim Mahkamah Tinggi adalah merupakan post "jawatan kanan". Semua faktor-faktor ini telah meletakkan hakim-hakim Syarie sebagai mereka yang berkemampuan dalam mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah dengan cemerlang.

Dalam usaha mempercepat lagi urusan penyelesaian kes –kes , Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang bertanggungjawab dalam hal penyelarasan pentadbiran Mahkamah Syariah telah mengeluarkan arahan-arahan amalan Mahkamah Syariah dari masa kesemasa. Begitu juga dengan Proses Sulh yang bagi tujuan mempercepat penyelesaian kes. JKSM juga telah merancang agar perbicaraan dapat dilakukan pada hari-hari cuti hujung minggu iaitu Sabtu dan Ahad.

Sejak kebelakangan ini, secara keseluruhannya Mahkamah Syariah tidak berdepan lagi dengan masalah kes-kes tertangguh yang ketara berdasarkan laporan Kajian yang telah dilakukan oleh UIAM Interpreneuers. Dimana dari tahun 1998 hingga 2002 jumlah kes pembubaran perkahwinan yang selesai dalam tempoh kurang daripada setahun adalah 93.7% kes yang melebihi setahun hanya 6.3%

Disediakan oleh : Tuan Mohd Amran bin Mat Zain

Disemak Oleh : Y.A.A Datuk Haji Ibrahim bin Lembut

STATISTIK KES SYARIAH SELURUH MALAYSIA TAHUN 2006

JENIS KES	SELESAI KESELURUHAN	DALAM PROSIDING
KES MAL	42564	77008
KES JENAYAH	9742	24694
JUMLAH KESELURUHAN	52306	101702

STATISTIK KES SYARIAH SELURUH MALAYSIA TAHUN 2007

JENIS KES	SELESAI KESELURUHAN	DALAM PROSIDING
KES MAL	56199	87579
KES JENAYAH	10560	27307
JUMLAH KESELURUHAN	66759	114886

STATISTIK KES SYARIAH SELURUH MALAYSIA TAHUN 2008

JENIS KES	SELESAI KESELURUHAN	DALAM PROSIDING
KES MAL	53453	97816
KES JENAYAH	10264	29817
JUMLAH KESELURUHAN	63717	127633

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]
TARIKH JAWAPAN : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Kasim minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengenai tangga gaji dan elaun kakitangan di Pos Malaysia Berhad yang terkini dan bilakah kali terakhir gaji dan elaun mereka disemak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat kumpulan besar dalam hierarki perjawatan pegawai dan kakitangan Pos Malaysia Berhad (PMB) iaitu kumpulan A (Eksekutif), Kumpulan B (Penolong Eksekutif), Kumpulan C (Kerani) dan Kumpulan D (Posmen dan Polis Bantuan).

Tangga gaji asas kumpulan-kumpulan ini dibuat mengikut gred-gred yang telah ditetapkan seperti berikut;

- i. Kumpulan A antara RM2,100 hingga RM23,400;
- ii. Kumpulan B antara RM1,200 – RM3,600;
- iii. Kumpulan C antara RM610 hingga RM2,895; dan
- iv. Kumpulan D antara RM505 hingga RM2,841.

Selain dari tangga gaji asas, pegawai dan kakitangan juga menikmati elaun-elaun seperti berikut;

- i. Elaun perumahan: semua kumpulan jawatan adalah layak;
- ii. Elaun kenderaan: hanya Kumpulan A gred E12 (Timbalan Pengurus Besar) hingga E14 (Pengurus Besar Kanan) sahaja layak;
- iii. Elaun Kos Sara hidup "COLA": Kumpulan B hingga Kumpulan D, adalah layak menerima sebanyak RM100 bagi kawasan luar bandar dan RM150 bagi kawasan bandar;
- iv. Elaun operasi: Kakitangan Kumpulan C dan D layak berpandukan tangga gaji.
- v. Elaun dobi: bagi kakitangan kumpulan D dan Unit Polis Bantuan
- vi. Elaun senjata api: Khas untuk kakitangan kumpulan D Unit Polis Bantuan sahaja.

Tangga gaji dan elaun-elaun telah disemak pada 1 Januari 2006.

A. Lingkungan Gaji Pos Malaysia Berhad

EKSEKUTIF (KUMPULAN A)

JAWATAN		GAJI BARU (CA 5) 01.01.2006	E / RUMAH (RM)	KERETA (RM)
PENOLONG PENGURUS	E8	RM 2,100.00 - RM 4,225.00	220.00	-
PENOLONG KANAN PENGURUS	E9	RM 3,250.00 - RM 5,510.00	275.00	-
PENGURUS	E10	RM 4,750.00 - RM 8,110.00	330.00	-
PENGURUS KANAN	E11	RM 6,700.00 - RM 11,440.00	440.00	-
TIMBALAN PENGURUS BESAR	E12	RM 8,200.00 - RM 13,000.00	660.00	1400.00
PENGURUS BESAR	E13	RM 10,500.00 - RM 17,000.00	825.00	1,600.00
PENGURUS BESAR KANAN	E14	RM 13,500.00 - RM 23,400.00	1,430.00	1,700.00

PENOLONG EKSEKUTIF (KUMPULAN B)

JAWATAN		GAJI BARU (CA 5) 01.01.2006	E / RUMAH (RM)	B1 & B2	Kadar (RM)	Elaun COLA (RM)
PENOLONG EKSEKUTIF/PEN. JURUAUDIT DALAMAN/PENGATUR PROGRAM KOMPUTER/PEG. KERJA AKAUN/PEMBANTU TEKNIK/PRODUCTION PLANNER	B1		165.00	Operasi	120.00	100.00 - 150.00
INSPEKTOR POLIS BANTUAN	PB 5	RM 1,200.00 - RM 2,980.00		Ketua Pos	120.00	
PEN. EKSEKUTIF KANAN/PEN. JURUAUDIT KANAN/PENGATUR PROGRAM KOMPUTER KANAN/PEG.KERJA AKAUN KANAN/PEMBANTU TEKNIK KANAN/PRODUCTION PLANNER KANAN	B2					
KETUA INSPEKTOR	PB 6	RM 1,600.00 - RM 3,600.00				

KERANI (KUMPULAN C)

JAWATAN	GAJI BARU (CA 5) 01.01.2006		E / RUMAH (RM)	E / OPERASI		ELAUN COLA
KERANI RENDAH/TELEFONIS	C1	RM 610.00 - RM 1,178.00	127.00	GAJI (RM)	Kadar (RM)	100.00 150.00
KERANI BIASA	C2	RM 720.00 - RM 1,370.00		< 800.00	50.00	
KERANI BIASA KHAS UNTUK PENYANDANG	C3	RM 1,100.00 - RM 2,205.00		800.00 - 1,000.00	70.00	
KERANI KANAN	C4	RM 1,450.00 - RM 2,895.00				
				1,100.00	85.00	
				C4/C3	105.00	

POSMEN & POLIS BANTUAN (KUMPULAN D)

JAWATAN	GAJI BARU (CA 5) 01.01.2006		E / RUMAH (RM)	E / OPERASI		ELAUN COLA	ELAUN DOBI	Elaun Senjatan Api
PEMBANTU AM	P1	RM 505.00 - RM 900.00		GAJI (RM)	Kadar (RM)	100.00 - 150.00	35	100
POSMEN/POSNITA	P2	RM 610.00 - RM 1,178.00	110.00	< 1,000.00	30.00			
KONSTABEL POLIS BANTUAN	PB1							
POSMEN KANAN/POSNITA KANAN	P3	RM 850.00 - RM 1,610.00		1,000.00 - 1,300.00	35.00			
KOPERAL POLIS BANTUAN	PB2							
SARJAN POLIS BANTUAN				> 1,300.00	45.00			
PENYELIA POSMEN/POSNITA	P4	RM 1,100.00 - RM 2,179.00						
SARJAN POLIS BANTUAN	PB3		127.00					
KETUA PENYELIA POSMEN/POSNITA	P5	RM 1,450.00 - RM 2,841.00		P5	105.00			
SARJAN MEJAR POLIS BANTUAN	PB4		127.00					

Tangga gaji dan elaun-elaun telah disemak pada 1 Januari 2006 dan telah mendapat persetujuan antara majikan dengan semua badan-badan serta kesatuan-kesatuan sekerja di Pos Malaysia.

B. Perbandingan Gaji dan Elaun Kakitangan Pos Malaysia Berhad dengan Kakitangan Kerajaan

BIL.	JAWATAN / GRED		GAJI POKOK		ELAUN RUMAH		ELAUN KERAJIAN		ELAUN SARA HIDUP	
	Pos Malaysia	Kerajaan	Pos Malaysia	Kerajaan	Pos Malaysia	Kerajaan	Pos Malaysia	Kerajaan	Pos Malaysia	Kerajaan
1	IJAZAH Pengurus Besar Kanan (E14)	JUSA B	RM13,500 - RM23,400	RM7,064.26 - RM8,846.29	-	RM1,600	-	RM3,050	-	-
2	Pengurus Besar (E13)	JUSA C	RM10,500 - RM17,000	RM6,595.99 - RM8,247.94	-	RM1,300	-	RM2,150	-	-
3	Timbalan Pengurus Besar (E12)	Pegawai Penerangan (S4) Pegawai	RM8,200 - RM13,000	RM5,159.29 - RM6,714.97	-	RM900	-	RM800	-	-
4	Pengurus Kanan (E11)	Penerangan (S52) Pegawai	RM6,700 - RM11,440	RM4,894.91 - RM6,317.03	-	RM700	-	RM600	-	-
5	Pengurus (E10)	Penerangan (S48) Pegawai	RM4,750 - RM8,110	RM4,348.05 - RM5,770.17	-	RM700	-	RM550	-	-
6	Pen. Kanan Pengurus (E9)	Penerangan (S44) Pegawai	RM3,250 - RM5,510	RM2,976.03 - RM4,929.67	-	RM400	-	RM400	-	-
7	Pen. Pengurus (E8)	Penerangan (S41)	RM2,100 - RM4,225	RM1,688.89 - RM4,638.89	-	RM250	-	-	-	-
8	DIPLOMA / STPM Pen. Eksekutif Kanan (B2)	Pen. Pegawai Penerbitan (N32)	RM1,600 - RM3,600	RM2,413.04 - RM3,592.76	RM165	RM180				
9	Pen. Eksekutif (B1)	Pen. Pegawai Penerbitan (N27)	RM1,200 - RM2,980	RM1,204.55 - RM3,027.10	RM165	RM180				
10	SPM Kerani Kanan (C4)	Pembantu Tadbir (N22)	RM1,450 - RM2,895	RM1,915.43 - RM2,838.04	RM127	RM180			RM150 bagi kawasan bandar	RM300 kawasan bandaraya
11	Kerani (C3)		RM1,100 - RM2,205		RM127					
12	Kerani (C2)	Pembantu Tadbir (N17)	RM720 - RM1,370	RM820.38 - RM2,151.35	RM127	RM180				RM200 kawasan bandar
13	SRP / PMR Telefonis (C1)	Pem. Tadbir Rendah (N11)	RM610 - RM1,178	RM709.59 - RM1,750.21	RM127	RM180			RM100 bagi kawasan luar bandar	RM100 kawasan luar bandar
14	Ketua Penyelia Posmen (P5)	Pembantu Tadbir (N22)	RM1,450 - RM2,841	RM1,915.43 - RM2,838.04	RM110	RM180				
15	Penyelia Posmen (P4)	Pem. Tadbir Rendah (N14 (P2))	RM1,100 - RM2,179	RM1,503.47 - RM2,209.16	RM110	RM180				
16	Posmen Kanan (P3)	Pem. Tadbir Rendah (N14)	RM850 - RM1,610	RM1,390.76 - RM2,001.67	RM110	RM180				
17	Posmen (P2)	Pem. Tadbir Rendah (N11)	RM610 - RM1,178	RM709.59 - RM1,750.21	RM110	RM180				
18	Pembantu Am (P1)	Pem. Am Rendah (R1)	RM505 - RM900	RM647.51 - RM1,178.43	RM110	RM180				

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
TARIKH : 10 NOVEMBER.2008

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan Akta/Enakmen Pengawasan Pengembangan Ajaran bukan Islam kepada orang-orang Islam di negeri-negeri Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

- (1) Penggubalan Akta/Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam yang seragam untuk digunakan oleh Negeri-Negeri di seluruh Malaysia telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak/Sivil di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI).
- (2) Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang Islam. Dalam konteks hak kebebasan agama yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing tetapi Perlembagaan Persekutuan menghalang orang bukan Islam mengembangkan agama mereka kepada orang Islam.

- (3) Peruntukan yang menghalang atau menyekat pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam termaktub di bawah Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(4) memperuntukkan seperti berikut :

“ Undang-Undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.”

Tuan Yang Di Pertua,

- (4) Berdasarkan draf undang-undang seragam yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak/Sivil, beberapa buah negeri telah menerimapakai draf undang-undang tersebut dan menggubal dan meluluskan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam di Negeri-Negeri telah dibuat oleh Dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Sehingga kini, terdapat Sembilan (9) buah negeri telah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang tersebut iaitu sebagaimana yang berikut :
- (i) Terengganu [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980]
[Berkuat kuasa pada 1 April 1986]
 - (ii) Kelantan [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1981]
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1987]

- (iii) Selangor [Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988]
[Berkuat kuasa pada 8 Julai 1988]
 - (iv) Melaka [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1988]
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 1990]
 - (v) Kedah [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988]
[Berkuat kuasa pada 1 Oktober 1988]
 - (vi) Pahang [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1989]
[Berkuat kuasa pada 1 Mac 1990]
 - (vii) Johor [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1991]
[Berkuat kuasa pada 23 April 1992]
 - (viii) Negeri Sembilan [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam 1991]
[Berkuat kuasa pada 5 April 2007]; dan
 - (ix) Perlis [Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama Yang Bertentangan Dengan Agama Islam (Sunnah Wal Jama'ah) 2002]
[Berkuat kuasa pada 1 Januari 2007]
- (5) Bagi Negeri Perak pula, Dewan Undangan Negeri Perak telah menggubal dan meluluskan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama

Bukan Islam 1988. Walaubagaimanapun, Enakmen ini masih belum dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri.

- (6) Terdapat empat (4) buah negeri yang belum menggubal Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam iaitu Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Perkara ini sedang dalam proses penggubalan dan bagi Wilayah Persekutuan, Rang Undang-Undang Akta Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ini telah pun disediakan oleh JAKIM dan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan penggubalan dan tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri akan dibentangkan di Parlimen. Bagi negeri Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang, mereka menunggu Rang Undang-Undang di Wilayah Persekutuan diluluskan oleh Parlimen untuk dijadikan sebagai undang-undang model seragam.

Tuan Yang Di Pertua,

- (7) Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam yang sedang dikuatkuasakan di sembilan (9) buah negeri yang dinyatakan di atas mengandungi enam (6) jenis kesalahan yang boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang melakukan perbuatan atau tindakan yang menyalahi undang-undang ini. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut :
- (i) Kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beragama Islam supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam, menjadi penganut atau anggota mana-mana agama bukan Islam atau meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau

didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya sekali [Sebagai contoh, Seksyen 4 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988];

- (ii) Kesalahan mendedahkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya sekali [Seksyen 5 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988];
- (iii) Kesalahan mengunjungi, mengatur, mengadakan perjumpaan atau dengan apa-apa cara lain menghubungi orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau seumpamanya mengenai agama bukan Islam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau kedua-duanya sekali [Seksyen 6 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988];
- (iv) Kesalahan menghantar atau menyerahkan apa-apa penerbitan atau bahan iklan mengenai agama bukan Islam kepada orang beragama Islam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga (3) bulan atau didenda tidak melebihi RM3,000.00 atau kedua-duanya sekali [Seksyen 7 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988];

- (v) Kesalahan mengedarkan apa-apa penerbitan mengenai agama bukan Islam kepada orang beragama Islam di tempat awam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 [Seksyen 8 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988]; dan
- (vi) Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbahasan tertentu agama Islam sebagai contoh penggunaan kalimah Allah, Baitullah, Nabi Muhammad dan sebagainya untuk mendakyah orang Islam. Orang yang disabitkan dengan kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 [Seksyen 9 Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988].

Tuan Yang Di Pertua,

- (8) Penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ini bermaksud apa-apa tangkapan, penyiasatan dan pendakwaan terhadap mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di atas hendaklah dilaksanakan oleh pegawai polis dan bukannya pegawai Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Apa-apa aduan mengenai apa-apa kesalahan yang dibuat oleh orang awam hendaklah dikemukakan kepada pihak polis. Sehubungan dengan itu, kes-kes yang berkenaan perlu dirujuk oleh pihak polis kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri-Negeri untuk mendapat keputusan sama ada pendakwaan dibuat atau sebaliknya terhadap orang yang disyaki melakukan kesalahan tersebut.
- (9) Sehubungan dengan itu, apabila keputusan dibuat untuk mendakwa mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Enakmen

tersebut, kes tersebut akan dibicarakan di Mahkamah Majistret iaitu Mahkamah sivil dan pendakwaan dijalankan oleh pegawai pendakwa polis atau Timbalan Pendakwa Raya negeri berkenaan. Prosiding di Mahkamah Majistret adalah mengikut peruntukan yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan 1950. Memandangkan bidang kuasa membicarakan kesalahan berkenaan terletak di bawah Mahkamah sivil, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes sedemikian.

- (10) Walaupun sembilan (9) buah negeri yang dinyatakan di atas telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam, sehingga kini mengikut rekod JAKIM, hanya terdapat satu (1) kes yang telah diambil tindakan pendakwaan oleh pihak polis di Pahang iaitu kes *PP Iwn Krishnan a/l Muthu (MA 83-146-2002)* di mana beliau telah dituduh di Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang pada tahun 2002. Tertuduh telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 4(2) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Pahang 1989 kerana mempengaruhi seorang wanita Melayu beragama Islam meninggalkan agama Islam dan memeluk agama Hindu. Tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,500.00 dan hukuman penjara selama 20 hari oleh Mahkamah Majistret Temerloh, Pahang.

Tuan Yang Di Pertua,

- (11) Memandangkan pelaksanaan penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam di negeri-negeri tidak dapat dijalankan dengan berkesan, perkara ini telah dibangkitkan dalam Persidangan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia Kali Kedua yang telah diadakan pada 20 Julai 2007 di Melaka yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Mesyuarat telah bersetuju supaya tindakan bersepadu dengan pihak polis dilaksanakan bagi memastikan penguatkuasaan enakmen tersebut dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

- (12) Perkara yang sama juga telah dibangkitkan semasa Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-77 yang telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 20 hingga 22 Julai 2008 di mana wakil PDRM yang hadir di mesyuarat tersebut bersetuju untuk bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dalam melaksanakan penguatkuasaan peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Penglibatan sepenuhnya pihak PDRM adalah penting sebagai pihak yang diberi kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Ini juga bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan serta bagi mengelakkan sebarang keadaan yang tidak dingini yang boleh menggugat keharmonian antara kaum. Di samping itu, penguatkuasaan yang berkesan adalah penting untuk menjamin dan memastikan kesucian agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan sepertimana yang termaktub di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (Isnin)
SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluarga rakyat miskin dan miskin tegar mengikut negeri-negeri dan anggaran bilangan keluarga yang akan dikategorikan sebagai keluarga miskin di seluruh negara jika pendapatan bulanan isi rumah dinaikkan ke paras RM1500 bagi kawasan bandar dan RM1200 bagi kawasan luar bandar.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Di Pertua,

Satu Bank Data Kemiskinan Nasional telah dibangunkan oleh Kerajaan dikenali sebagai eKasih adalah untuk mengintegrasikan data dan menempatkan maklumat berkaitan dengan profil keluarga miskin dan miskin tegar di bandar dan

luar bandar, serta jenis bantuan yang diterima serta projek yang mereka terlibat.

Maklumat bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan berasaskan kepada *threshold* kurang daripada RM1,000 bagi luar bandar dan RM1,500 bagi bandar telah digunakan. Maklumat ini dijadikan input kepada eKasih yang siap sepenuhnya bagi Fasa I untuk penggunaan pada September 2008 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Miskin Tegar	Miskin	Jumlah
1.	Johor	1091	1547	2637
2.	Kedah	2367	2918	5285
3.	Kelantan	3507	5561	9068
4.	Melaka	241	445	686
5.	Negeri Sembilan	270	459	729
6.	Pahang	796	1204	2000
7.	Perak	2450	3596	6046
8.	Perlis	557	968	1252
9.	Pulau Pinang	494	1500	1994
10.	Selangor	1269	2277	2546

Bil.	Negeri	Miskin Tegar	Miskin	Jumlah
11.	Terengganu	3759	6563	10322
12.	Sabah	14890	12050	26940
13.	Sarawak	12804	14079	26883
14.	W.Persekutuan	148	390	538
	Jumlah	44643	53557	98200

3. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa digunakan bagi menentukan status sesebuah keluarga samada miskin tegar, miskin atau melepasi PGK pada RM720 (untuk Semenanjung Malaysia). Sekiranya dinaikkan pendapatan bulanan isi rumah kepada RM1,500 di bandar dan RM1,000 di luar bandar, mengambil kira bilangan keluarga yang melepasi PGK, jumlah keluarga miskin dianggarkan meningkat kepada 181,564 keluarga.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)
TARIKH : 10.11.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana keselamatan pelajar-pelajar di semua jenis sekolah terjamin. Berikan statistik kes-kes jenayah seperti rompakan, penculikan, ugutan, kemalangan jalan raya dan lain-lain yang telah berlaku di sekolah-sekolah di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberi jaminan bahawa keselamatan murid adalah terjamin di sekolah kerana ia merupakan isu yang sentiasa diberi perhatian utama. Selain daripada peranan pentadbir, lembaga disipilin sekolah serta guru-guru, sekolah juga disediakan khidmat pengawal keselamatan. Di samping itu, pihak sekolah juga akan sentiasa mendapat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia yang berhampiran. Sebarang bentuk ancaman keselamatan kepada murid atau guru akan diambil tindakan sewajarnya. Namun, semasa mereka berada di luar sekolah, kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi menjamin keselamatan mereka.

Pada tahun 2009, semua sekolah dikehendaki membuat penarafan keselamatan sekolah masing-masing menggunakan instrumen Piawaian Keselamatan Sekolah yang sedang dirintis pada tahun 2008. Berdasarkan statistik yang

dikumpul dari Januari hingga Jun 2008, hanya sekitar 12 peratus kes kemalangan berlaku di dalam sekolah dan bakinya berlaku di luar sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik yang melibatkan kes jenayah adalah seperti berikut;

- **Ugutan;** melibatkan sejumlah 0.03 peratus tahun 2006 dan turun kepada 0.02 peratus tahun 2007;
- **Penculikan;** seramai 4 orang murid disyaki diculik antara Januari hingga Jun 2008;
- **Rompakan;** antara Januari hingga April 2008, seramai 35 orang murid didapati terlibat dengan kegiatan rompakan; dan
- **Kemalangan Jalan Raya;** antara Januari hingga Jun 2008, seramai 1,714 orang murid telah terlibat dengan kemalangan jalan raya

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)
NO. SOALAN : 16

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang SPM dan STPM mengikut pecahan kaum dan berapa ramai di antara mereka dapat memasuki universiti tempatan serta berikan pecahan mengikut kaum bagi tahun 2005, 2006 dan 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar ke IPTA kebanyakannya adalah melalui STPM. Matrikulasi, Diploma dan setara. Pemilihan pelajar dibuat melalui kaedah meritokrasi yang mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Kaedah ini memberi layanan yang sama kepada semua pemohon tanpa mengira jurang pendapatan, jantina, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal. Justeru, setiap pelajar yang layak menyertai pendidikan tertiar tidak akan dinafikan peluang mereka ke IPT.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk menurunkan kadar inflasi yang semakin tinggi.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan inflasi yang berlaku sekarang adalah berpunca daripada kenaikan harga makanan dan bahan api global. Inflasi di Malaysia berada pada paras 8.2 peratus dalam bulan September 2008 berbanding dengan bulan September 2007. Namun, terdapat tanda penurunan apabila Indeks Harga Pengguna menurun 0.2 peratus pada bulan September 2008 berbanding dengan bulan Ogos 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inflasi sekarang adalah berpunca daripada kekangan penawaran. Dalam keadaan ini, penggunaan dasar monetari untuk menangani inflasi adalah kurang berkesan. Walaupun harga minyak telah dinaikkan pada 5 Jun 2008,

sehingga kini, selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia, harga runcit minyak telah diturunkan sebanyak empat kali iaitu pada 22 Ogos, 25 September, 15 Oktober dan 1 November 2008 kepada RM2.15 seliter bagi RON97. Kerajaan juga telah memberi jaminan bahawa harga minyak runcit tidak akan dinaikkan melebihi RM2.70 seliter sehingga penghujung tahun 2008 ini sekiranya harga minyak dunia meningkat semula. Walau bagaimanapun, langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah mencukupi untuk membendung inflasi dari menjadi tidak terkawal. Masalah kenaikan harga juga biasanya tidak berterusan dan akan kembali stabil dalam jangka waktu sederhana, di mana tanda penurunan harga minyak mentah dunia telah kelihatan.

Antara langkah-langkah bagi membendung dan menurunkan inflasi termasuklah:

- i. Meneruskan dasar yang menyokong aktiviti meningkatkan produktiviti dan daya saing serta menggalakkan sektor swasta terlibat dengan lebih aktif dalam sektor pengeluaran, terutamanya dalam sektor pengeluaran makanan;
- ii. Meneruskan dasar monetari akomodatif yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan tidak memberi tekanan ke atas harga;
- iii. Secara pentadbiran pula, usaha untuk menurunkan kadar inflasi termasuklah:
 - a. Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas harga dan penawaran barangan kawalan termasuk beras, tepung gandum, minyak masak dan

roti supaya tidak berlaku kekurangan. Usaha penguatkuasaan dan pemantauan termasuk menangani kegiatan menyorok, menyeludup dan menjual diesel subsidi secara tidak sah;

- b. Melaksana Dasar Jaminan Bekalan Makanan untuk meningkatkan penawaran dan bekalan bahan makanan; dan
 - c. Memberi subsidi ke atas minyak masak, jenis tertentu gandum dan roti putih (*standard loaf* 200g - 1000g).
- iv. Meningkatkan usaha bagi menambah pendapatan rakyat melalui program pembasmian kemiskinan dengan tumpuan kepada projek penjanaan ekonomi, termasuk di lima koridor pembangunan, pembangunan modal insan, program pembangunan keusahawanan dan latihan serta kredit mikro; dan
- v. Menggalakkan golongan sasaran meningkatkan produktiviti dalam kerja seharian mereka dan melaksanakan kerja sampingan bagi mendapatkan pendapatan tambahan.

Di samping itu, langkah-langkah lain seperti jaringan keselamatan sosial

yang diumumkan dalam Bajet 2009 diharap dapat mengurangkan kesan inflasi di kalangan golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Disediakan oleh:

Diluluskan oleh:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1315

SOALAN :

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah kewajaran latihan bersama Polis
dan Tentera yang diadakan baru-baru ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara khususnya, pihak polis bertanggungjawab terhadap keselamatan dan ketenteraman awam negara. Walaubagaimanapun, kerjasama yang erat di antara pasukan pasukan polis dan tentera sememangnya sudah lama wujud dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam agar keselamatan negara sentiasa terpelihara. Oleh yang demikian, bukanlah suatu perkara yang aneh atau luar biasa bagi kedua pasukan mengadakan latihan bersama bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan agar keselamatan negara terpelihara sepanjang masa.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam dunia masa kini, ancaman keselamatan yang dihadapi oleh negara tidak sama dengan masa lampau. Oleh itu, tidak aneh sekiranya latihan bersama tersebut diadakan selagi mana Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera berpuas hati bahawa latihan tersebut telah mencapai objektifnya.

NO: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)
NO. SOALAN : 19

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **Menteri Pengajian Tinggi** menyatakan sejauh manakah pewujudan sayap swasta di hospital-hospital pengajar perubatan berjaya mengekalkan tenaga kerja doktor-doktor pakar daripada berhijrah ke sektor swasta (senaraikan jumlah penghijrahan sebelum dan selepas pelaksanaan).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 buah universiti yang mempunyai sayap swasta di hospital pengajar iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

Peratusan pensyarah perubatan di PPUKM yang meletak jawatan telah menurun daripada purata 7.3 peratus kepada 4.7 peratus sejak sayap swasta ditubuhkan. Sementara, peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan di HUSM secara purata ialah 2.18 peratus,

namun selepas penubuhan sayap swasta beroperasi secara aktif dan menyeluruh pada tahun 2003, peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan menurun kepada 1.66 peratus. Peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan di PPUM juga menurun selepas sayap swasta diwujudkan iaitu daripada 7.09 peratus kepada 2.60 peratus.

Secara umumnya, peratusan pensyarah perubatan yang meletak jawatan adalah masih lagi rendah. Penubuhan sayap swasta di hospital pengajar sedikit sebanyak membantu mengurangkan penghijrahan doktor ke sektor swasta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)
TARIKH : 10.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula pemberian buku teks secara percuma kepada SJKC dalam Bahasa Cina bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2007: Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks Di Bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia, bertarikh 26 September 2007, **semua murid warganegara Malaysia** di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan serta Sekolah Menengah Agama Rakyat layak mendapat bantuan pinjaman buku teks.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan pakej buku teks bagi semua mata pelajaran teras dan elektif yang diajar di sekolah. Namun, pemberian buku teks bagi mata pelajaran Sains dan Matematik adalah terbatas kepada versi bahasa Inggeris yang digunapakai dalam semua aliran di SK, SJKC dan SJKT. Selaras dengan pelaksanaan PPSMI, KPM buat masa ini belum merancang untuk membekalkan buku teks bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda melalui program bantuan pinjaman buku teks.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid

TARIKH: 10 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan golongan pekerja yang jumlahnya sebanyak 11 juta ini mendapat pembelaan sekiranya majikan tempat mereka bekerja menamatkan operasi.

PR-1213-L15220

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Y.B.Parit Buntar pada 13 November 2008 kerana ia berkaitan dengan isu yang sama iaitu pembelaan terhadap pekerja yang diberhentikan kerja.

Tuan Yang Di Pertua,

Kebajikan semua pekerja termasuk mereka yang diberhentikan kerja sentiasa diambil berat. Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan memastikan majikan yang berhasrat memberhentikan pekerja mengambil langkah awal seperti mana yang termaktub dalam Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan, iaitu:

- (a) Membekukan pengambilan pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal;
- (b) Mengehendkan kerja lebih masa;
- (c) Mengehendkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am;
- (d) Mengurangkan waktu bekerja harian;
- (e) Mengadakan program latihan semula kepada pekerja;
- (f) Mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian lain di dalam syarikat yang sama;

Pihak majikan digesa mematuhi garis panduan pemberhentian dan langkah-langkah pencegahan awal mengikut kesesuaian iaitu, sama ada mengurangkan gaji pekerja (*Pay-Cut*), mengurangkan waktu bekerja, melaksanakan pemberhentian kerja sentara (*Lay-Off*), pemberhentian secara sukarela (*VSS*) sebelum tindakan yang terakhir iaitu pemberhentian pekerja (*Retrenchment*) dilakukan.

Bagaimanapun, sekiranya majikan terpaksa menamatkan operasi sehingga menyebabkan pemberhentian pekerja dilakukan, KSM akan memastikan majikan mematuhi semua peruntukan undang-undang perburuhan seperti:-

- a) Membayar pampasan atau faedah penamatan kerja kepada pekerja;
- b) Memberi notis penamatan sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan. Jika tiada peruntukan mengenainya dalam kontrak perkhidmatan tersebut, majikan hendaklah memberi notis seperti yang dinyatakan di bawah Akta Kerja 1955.

Bagi syarikat yang gulung tikar di mana pekerja tidak mendapat pampasan, pihak KSM sedang merangka satu tabung untuk pekerja yang terlibat. KSM juga akan membantu

mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lain melalui perkhidmatan pekerjaan di setiap negeri dan *portal jobsmalaysia*. Bagi majikan-majikan yang mencarum kepada Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), mereka boleh menggunakan tabung PSMB untuk melatih semula pekerja mereka.

SOALAN NO. (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada sebarang tindakan telah diambil oleh pemaju projek-projek perumahan terbengkalai di Puchong dalam masa 2 bulan yang lalu dan sekiranya ada, apa tindakan-tindakan itu dan sekiranya tiada, kenapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemulihan projek-projek yang terbabit di kawasan Puchong terbahagi kepada dua iaitu Pakej 1 dan Pakej 2. Setakat hari ini, kerja-kerja untuk menyiapkan projek-projek di bawah Pakej 1 sedang dilaksanakan oleh Syarikat IJM Berhad (IJM). Bagi projek-projek di bawah Pakej 2 yang membabitkan 7 projek, syarikat pemaju masih berunding dengan pihak IJM berkaitan pengambilalihan pemulihan projek terbabit termasuk menyemak semula syarat-syarat perjanjian untuk melantik IJM sebagai kontraktor utama untuk projek-projek tersebut disebabkan kenaikan harga bahan binaan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI
ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : ISNIN, 10 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 13

SOALAN :

**Puan Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

- (a) bilangan kelab malam, karaoke, disko dan rumah
urut yang berlesen di Kuala Lumpur; dan
- (b) berapa yang tidak berlesen.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Manis, sehingga September 2008, bilangan kelab malam yang terdapat di Kuala Lumpur adalah sebanyak 229 buah. Terdapat juga 255 buah pusat karaoke, 46 buah disko dan 60 buah rumah urut yang berlesen.

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 7 buah pusat hiburan malam yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dengan dibatalkan lesen perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membekukan pengeluaran lesen baru bagi aktiviti rumah urut mulai 1 Januari 2006.

SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2008

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan duti eksais terhadap kenderaan yang diimport. Sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengurangkan kadar duti import bagi kenderaan yang bertujuan untuk memenuhi komitmen negara di bawah kerjasama ASEAN dan juga di bawah perjanjian perdagangan dua hala dengan negara tertentu. Bagi mengimbangi kehilangan hasil, Kerajaan telah mengenakan duti eksais ke atas kenderaan import.

2. Memandangkan sumbangan duti eksais kepada hasil negara adalah signifikan, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menghapuskan duti eksais ke atas kenderaan import.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN : YB. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)
Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan;

- a) memandangkan kekurangan bekalan beras sentiasa berlaku di Sabah, terutamanya 15% beras bersubsidi (beras subsidi super 15) yang digunakan oleh keluarga-keluarga berpendapatan rendah, adakah kementerian mempunyai sebarang pelan membenarkan pengimport beras oleh pengimport-pengimport di Sabah selain daripada BERNAS; dan
- b) mengapakah amalan persaingan terbuka dalam pengimportan beras tidak dilaksanakan walaupun ia dapat mengurangkan harga beras.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Perjanjian penswastaaan BERNAS yang telah ditandatangani oleh pihak BERNAS dengan Kerajaan pada 12 Januari 1996, hanya membenarkan pihak BERNAS mengimport beras bagi keperluan negara, Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan mana-mana pihak selain BERNAS bagi mengimport beras ke negeri Sabah. Walau bagaimanapun, bagi menangani kekurangan beras di Sabah, Kerajaan mulai 1 Jun 2008 telah melaksanakan program penyeragaman harga beras ST15 di Semenanjung dengan beras S15 di Sabah pada harga RM1.80/kg. Melalui kaedah ini bekalan beras S15 diwujudkan di negeri Sabah. Bagi menampung kekurangan bekalan beras S15 di Sabah bagi bulan Oktober sehingga ke penghujung tahun ini, Kerajaan bercadang untuk membeli sebanyak 56,447 MT lagi beras untuk dijadikan beras S15 di Sabah.

- b) Dasar Kerajaan semasa penswastan Lembaga Padi dan Beras Negara di mana BERNAS telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan beberapa obligasi sosial di bawah Artikel 4 Perjanjian Penswastan BERNAS dengan Kerajaan iaitu: mengurus dan menyenggara stokpail beras negara pada pada paras 92,000 MT pada setiap masa, bertindak sebagai pembeli beras terakhir, memastikan bekalan beras sentiasa ada dan mencukupi untuk keperluan rakyat tempatan dan memastikan harga beras adalah berpatutan. Sebagai balasan kepada BERNAS dalam menjalankan obligasi sosial tersebut, BERNAS telah diberi hak untuk mengimport beras ke negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci nama dan jumlah kos terlibat dalam pembinaan masjid dan rumah beribadat bukan Islam mengikut negeri yang dibina oleh Kerajaan dari 2000 hingga 2008.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2000 hingga 2008 sebanyak RM356,413,379.64 peruntukan khas telah disediakan untuk pembinaan dan baik pulih 219 buah masjid, RM10,108,952.00 bagi pembinaan dan baik pulih 648 buah Kuil Hindu, RM9,952,438.00 bagi pembinaan dan baik pulih 3,468 buah Tokong / Rumah Berhala dan RM2,332,505.00 untuk pembinaan dan baik pulih 85 lain-lain rumah beribadat seperti Gereja dan

Wat Siam. Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi pelaksana di peringkat negeri. Bilangan dan nilai masjid, Kuil Hindu, Tokong / Rumah Berhala dan lain-lain rumah beribadat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

BILANGAN DAN KOS PERUNTUKAN MASJID, KUIL HINDU, TOKONG/RUMAH BERHALA DAN LAIN-LAIN RUMAH BERIBADAT (2000 - 2008)

TAHUN	KATEGORI PERUNTUKAN							
	MASJID		KUIL HINDU		TOKONG / RUMAH BERHALA		LAIN-LAIN RUMAH BERIBADAT	
	BIL	KOS (RM)	BIL	KOS (RM)	BIL	KOS (RM)	BIL	KOS (RM)
2000	24	40,668,224.69	155	1,681,230.00	391	1,105,590.00	19	105,250.00
2001	15	46,966,958.94	72	1,329,322.00	386	1,057,400.00	2	79,200.00
2002	22	45,070,528.68	77	1,142,500.00	355	1,194,420.00	1	4,000.00
2003	17	45,350,000.00	9	112,200.00	11	45,000.00	2	1,015,000.00
2004	11	38,657,189.70	71	1,245,200.00	389	1,056,100.00	3	39,000.00
2005	33	45,159,483.82	72	1,176,000.00	395	1,113,300.00	2	5,500.00
2006	27	35,528,663.19	69	1,029,500.00	447	1,236,228.00	7	117,000.00
2007	28	25,334,983.93	16	400,000.00	421	1,416,900.00	23	283,055.00
2008	42	33,677,346.69	107	1,993,000.00	673	1,727,500.00	26	684,500.00
JUMLAH	219	356,413,379.64	648	10,108,952.00	3468	9,952,438.00	85	2,332,505.00

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE DUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

TARIKH : **10 NOVEMBER 2008**

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah Kementerian sedar keadaan sebenar yang berlaku di dalam 2 anak syarikat milik RISDA (Risda Plantation Sdn. Bhd. dan Risda Pemasaran Sdn. Bhd.) mengenai berlakunya penyelewengan dalam pengurusan RISDA. Apakah dasar dan matlamat asal penubuhan RISDA untuk membantu petani dan peladang tidak penting lagi selepas diswastakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak pernah membuat keputusan untuk menswastakan RISDA dan Syarikat Risda Pemasaran tidak wujud. Syarikat Risda Plantation Sdn. Bhd. adalah anak syarikat RISDA yang bertanggungjawab membangun dan mengurus tanah-tanah pekebun kecil secara berkelompok di bawah Program Tanam Semula Komersial (TSK). Langkah ini adalah bertepatan dalam usaha RISDA untuk membantu pemilik-pemilik kebun yang tidak lagi mampu atau berminat untuk mengusahakan sendiri tanah mereka. Di bawah program ini, pemilik kebun bersetuju melantik Risda Plantation Sdn. Bhd. sebagai ejen untuk

membangunkan kebun mereka dari peringkat pembangunan hingga pengeluaran dan pemasaran hasil.

Walaupun peranan ini dilaksanakan oleh anak syarikat, RISDA sentiasa memantau prestasi setiap ladang supaya tidak membawa kerugian kepada pemilik kebun. Ahli-ahli Pihak Berkuasa RISDA dan Pengarah-Pengarah yang berkaitan juga dilantik dalam Lembaga Pengarah anak syarikat untuk memantau prestasi anak syarikat berkenaan. Setakat ini prestasi ladang-ladang yang diurus anak syarikat adalah memuaskan dan pengurusan syarikat adalah terkawal. Sekiranya berlaku sebarang kes penyelewengan tindakan sewajarnya akan diambil.

SOALAN : 28.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (Isnin)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kewajaran Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) masih diteruskan di Kelantan memandangkan di negeri Sabah dalam proses pemantauan dan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor Kerajaan Persekutuan menyatakan sikap tidak akan menubuh Jabatan Persekutuan di negeri-negeri tersebut.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Ini adalah kerana peranan JPPK masih perlu untuk mensejahterakan rakyat negeri Kelantan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan

Persekutuan seperti projek-projek infrastruktur dan program-program kemasyarakatan yang amat diperlukan rakyat negeri berkenaan. Perkara ini telah diakui oleh pelbagai pihak di negeri Kelantan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2008

Tuan Raime bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kualiti kenderaan keluaran PROTON sejak diperkenalkan di negara kita dan sehingga kini, berapakah jumlah kenderaan PROTON mengikut jenis sejak tahun pertama keluarannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, falsafah pembangunan produk yang dipegang oleh PROTON adalah untuk membangunkan kereta yang mempunyai daya tarikan untuk masyarakat umum (*mass market appeal*). Antara kriteria utama yang mendukung falsafah ini ialah ia boleh dipasarkan dengan harga yang mampu dimiliki ramai, menampilkan ciri keselamatan yang bersesuaian serta ciri keselesaan penumpang yang sederhana dan berpatutan. Penggunaan teknologi tinggi dan ciri-ciri yang terlalu sofistikated seperti yang dimiliki oleh kereta-kereta mewah tidak dapat diterapkan dengan menyeluruh di dalam

pembangunan kereta PROTON kerana ia akan meningkatkan kos pembuatan kereta.

2. Walau bagaimanapun, sejak pengeluaran kereta pertama PROTON dalam tahun 1985, syarikat pembuat kereta nasional ini sentiasa berusaha meningkatkan kualiti produk keluarannya melalui pelaksanaan langkah-langkah antaranya seperti berikut:

- i. penekanan ke atas kawalan kualiti dalam semua aspek operasi termasuk peringkat reka bentuk dan pemasangan;
- ii. mewujudkan sistem pemantauan untuk mengenal pasti kecacatan (*defects*) dalam barisan pengeluaran supaya boleh bertindak lebih cepat ke atas masalah komponen yang tidak menepati spesifikasi;
- iii. bekerjasama rapat dengan vendor bagi memastikan kualiti komponen yang digunakan dalam pemasangan kereta adalah yang terbaik; dan
- iv. melancarkan Kempen Peningkatan Kualiti pada bulan Jun 2008 bertujuan untuk memastikan semua kereta PROTON bebas dari kecacatan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kenderaan PROTON dalam pasaran domestik mengikut pecahan model sejak tahun 1985 sehingga Jun 2008 adalah seperti berikut:

Model	Jumlah Jualan (Unit)
Gen.2	85,501
Saga lama (Iswara)	1,123,944
Saga baru	34,866
Satria Neo	12,484
Perdana	74,335
Persona	44,254
Savvy	24,205
Waja	282,436
Wira	949,387
Arena	3,523
Satria	96,539
Juara	2,918
Putra	5,186
Tiara	28,102
JUMLAH	2,767,680

Sumber: Malaysia Automotive Association (MAA)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELUK INTAN]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (Isnin)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Ahli Dewan Rakyat kawasan Teluk Intan untuk dua penggal yang lalu; dan
- (b) untuk projek-projek apakah di Teluk Intan peruntukan tersebut disalurkan dan Adakah peruntukan ini akan diteruskan dan diberi untuk penggal ini.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7.65 juta di bawah peruntukan khas Y.A.B Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Teluk Intan bagi tempoh 2 penggal yang lalu. Peruntukan ini meliputi peruntukan dari tahun

1999 hingga 2003 berjumlah RM2.5 juta dan 2004 hingga Mac 2008 berjumlah RM5.15 juta.

Peruntukkan untuk kedua-dua penggal yang berjumlah RM7.65 juta tersebut telah dibelanjakan untuk pelbagai projek fizikal, pembekalan dan sumbangan (kewangan) kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu melibatkan 179 projek fizikal berjumlah RM561,976.00, 1962 melibatkan bekalan pelbagai barangan berjumlah RM5,205,205.00 dan 206 projek berbentuk sumbangan (kewangan) kepada pertubuhan bukan kerajaan berjumlah RM1,734,198.00.

Butir-butir mengenai perbelanjaan yang telah dibuat bagi dua penggal berkenaan adalah seperti berikut :

i) PENGGAL 1999 – 2003

BIL	BUTIRAN	BIL.PROJEK	PERUNTUKAN
1	PROJEK FIZIKAL -masjid/surau -dewan/ titi/longkang -padang permainan	152	482,676.00
2	BEKALAN -barangan mentah -komputer/printer -pakaian seragam/ sukan -peralatan khemah -barangan eletrik -peralatan Pejabat -peralatan sukan/ kebudayaan -bahan bacaan/ alat tulis -bahan binaan	801	1,624,125.00
3	SUMBANGAN -kecemasan -badan / NGO -pentadbiran/ elaun	45	388,798.00
	JUMLAH	998	2,495,599.00

ii) PENGGAL 2004 – MAC 2008

BIL	BUTIRAN	BIL.PROJEK	PERUNTUKAN
1	PROJEK FIZIKAL -masjid/surau -dewan/ titi/longkang -padang permainan	27	79,300.00
2	BEKALAN -barangan mentah -komputer/printer -pakaian seragam/ sukan -peralatan khemah	1161	3,581,080.00

	-barangan elektrik -peralatan Pejabat -peralatan sukan/ kebudayaan -bahan bacaan/ alat tulis -bahan binaan		
3	SUMBANGAN -kecemasan -badan / NGO -pentadbiran/ elaun	161	1,345,400.00
	JUMLAH	1349	5,005,780.00

Peruntukan berkenaan adalah peruntukan Kerajaan yang telah dibelanja mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, Surat Pekeliling berkaitan serta Akta Acara Kewangan.

Peruntukan khas Y.A.B Perdana Menteri adalah untuk kawasan Parlimen dan bukan peruntukan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen. Peruntukan ini akan diteruskan untuk faedah rakyat selagi kedudukan kewangan Kerajaan mengizinkan untuk berbuat demikian.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Dato] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi minyak kepada golongan penternak dan nyatakan bentuk-bentuk insentif yang diberikan kepada penternak terutamanya penternak ruminan khasnya hasrat mencapai Dasar Daging Negara.

JAWAPAN: MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, Kementerian telah menyediakan bantuan insentif kepada para penternak di bawah program Jaminan Bekalan Makanan dalam bentuk pengeluaran ternakan.

Dalam industri penternakan, kos terbesar ialah kos makanan dan bekalan ternakan. Umpamanya dalam industri ruminan, kos melibatkan makanan dan ternakan ialah 75%, manakala bagi industri ayam pula, kos pengeluaran makanan sahaja mencecah 70% daripada kos keseluruhan. Oleh yang demikian, kementerian telah menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam pengeluaran makanan berasaskan tempatan kerana ia melibatkan kos yang rendah. Bagi penternak ruminan (tenusu, kambing, bebiri dan lembu) Kementerian menggalakkan penternak menanam

sendiri pastura bagi memastikan mereka dapat memberikan makanan kepada ternakan mereka dengan harga yang rendah, berkualiti dan dalam kekerapan yang tetap.

Bagi membantu penternak ruminan, kementerian telah menyediakan insentif dalam bentuk bantuan ternakan seperti TRUST, pinjaman peralatan dan khidmat perubatan untuk para penternak kecil. Pada masa kini, kerajaan sedang mengkaji untuk memberikan subsidi minyak kepada penternak, terutamanya penternak ruminan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2008

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan terkini tiga buah ARV Eagle yang dibangun oleh CTRM dan digunakan oleh TUDM. Adakah projek ini terbengkalai dan berapa jumlah kerugian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ketiga-tiga buah pesawat ARV Eagle telah dibekalkan kepada kerajaan oleh syarikat Composite Technology Research Malaysia (CTRM) dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Sistem ARV ini merupakan produk prototaip CTRM yang dibuat secara *Pilot Project* dalam meneroka pembuatan dan pembangunan pesawat ARV selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan yang berkecimpung dalam Industri Pertahanan Negara.

2. Bagaimanapun, kerajaan pada 7 Februari 2006 telah memberhentikan operasi sistem ARV Eagle ini atas pelbagai faktor seperti kos operasi dan penyenggaraan yang tinggi, penggunaan ARV yang terhad dan penurunan ancaman di kawasan OPS PASIR. Walau pun operasi sistem ini telah dihentikan, pesawat-pesawat tersebut tetap menjadi milik kerajaan dan sehingga kini masih digunakan oleh TUDM bagi tugas-tugas penerbangan latihan.

SOALAN NO. (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak peminjam wang berlesen di seluruh negara dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengawal dan membanteras kegiatan peminjam haram atau along ini yang terus menerus mengiklankan perkhidmatan mereka dengan berleluasa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2007, bilangan lesen pemberi pinjam wang dikeluarkan adalah berjumlah 3,012. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengawalselia aktiviti perniagaan pemberi pinjam wang berlesen selaras dengan peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). Tindakan penguatkuasaan ke atas pemberi pinjam wang tanpa lesen atau Ah Long pula adalah dibawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM).

KPKT sentiasa membuat pemantauan yang rapi ke atas operasi pemberi pinjam wang berlesen bagi memastikan mereka menjalankan perniagaan berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Pemantauan dibuat adalah melalui maklumbalas atau aduan orang ramai, pemeriksaan ke

atas premis perniagaan dan pemeriksaan berkala ke atas penyata transaksi pemberi pinjam wang berlesen.

KPKT menyedari terdapat ramai pemberi pinjam wang beroperasi secara tanpa lesen dan mengenakan kaedah yang melebihi kadar yang ditetapkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Berdasarkan kepada aduan yang diterima oleh KPKT dari bulan Januari hingga bulan September 2008, didapati sebanyak 20 % daripada aduan yang diterima adalah berkaitan dengan kadar faedah yang tinggi dikenakan oleh pemberi pinjam wang. KPKT akan mengambil tindakan tegas ke atas peminjam wang berlesen yang mengenakan faedah melebihi kadar yang ditetapkan di dalam Akta 400 jika mempunyai bukti yang kukuh.

Untuk mengatasi dan membentaras kegiatan Ah Long, Kerajaan telah mengujudkan Pasukan Petugas Khas Menangani Pemberi Pinjam Wang Tanpa Lesen yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM dan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Siasatan

Jenayah PDRM dan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, KPKT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2005 sehingga Ogos 2008, pihak PDRM telah membuka sebanyak 22 kes fail dibawah Akta Kediaman Terhad 1933 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 individu yang menjalankan perniagaan Ah Long telah dikenakan sekatan dibawah Akta ini.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008